

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
ELAUN KASUT KESELAMATAN (EKK) TAHUN 2023

| Soalan | Jawapan |
|--|---|
| 1. Apakah syarat untuk menuntut EKK? | a) Semua kakitangan operasi/teknikal sama ada berstatus Tetap, <i>Contract of Service</i> (COS), <i>Contract For Service</i> (CFS) atau Pegawai Khidmat RAC (PKRAC) adalah layak menuntut EKK. b) Kelayakan tuntutan adalah bagi setiap 2 tahun dari tarikh resit asal. c) Resit asal tuntutan hendaklah atas nama pegawai |
| 2. Apakah definisi kasut keselamatan? | Kasut keselamatan adalah kasut yang besesuaian untuk tujuan lawatan ke tapak projek / landasan kereta api / belukar / kawasan yang berisiko |
| 3. Sekiranya tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh dua (2) tahun tersebut, bolehkah jumlah RM200.00 dibawa ke tahun berikutnya? | Tidak boleh dan kelayakan RM200.00 tersebut dikira lupus. |
| 4. Saya bukan kakitangan operasi/teknikal, bolehkah saya membuat tuntutan pembelian kasut keselamatan? | Tidak boleh, kecuali dengan perakuan KPE. |
| 5. Sekiranya jumlah pembelian kasut keselamatan bernilai RM150.00, bolehkah saya menuntut baki elaun yang tidak digunakan? | Tiada tuntutan dibenarkan terhadap baki yang tidak digunakan. |
| 6. Bolehkah saya membeli 2 pasang kasut keselamatan dalam 1 resit? | Boleh tetapi tuntutan hanya terhad kepada RM200.00 sahaja. |
| 7. Adakah pembelian kasut keselamatan secara atas talian dibenarkan? | Tidak boleh. |
| 8. Bolehkah saya membuat tuntutan EKK jika resit pembelian kasut keselamatan telah hilang? | Tuntutan tanpa resit asal tidak dibenarkan. |
| 9. Bagaimanakah saya boleh menyemak tarikh kelayakan EKK yang selanjutnya? | Semakan boleh dibuat dengan Unit Sumber Manusia |